

BPH UMS beri perkongsian ilmu pengurusan aset, inventori

UB 3.12.2014 84

Oleh HENRY BATING

BAHAGIAN Perumahan dan Hospitaliti (BPH) Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin memberikan perkongsian ilmu berkaitan pengurusan aset dan inventori bagi kalangan kakitangan pentadbirannya.

Penyelaras perkongsian ilmu Jalani Moksin memberitahu program itu diberikan khususnya kepada kakitangan pengurusan kolej kediaman untuk membantu meningkatkan kemudahan di tempat tinggal pelajar.

“Perkongsian ilmu ini merupakan lanjutan



JALANI (duduk tengah) bersama sebahagian peserta perkongsian ilmu.

daripada kursus tiga hari peringkat kebangsaan yang telah diadakan di Langkawi baru-baru ini,” katanya.

Kira-kira 20 kakitangan

mengikuti perkongsian ilmu itu yang turut melibatkan peserta dari Kampus Antarabangsa Labuan.

Dalam perkongsian ilmu itu, Jalani telah menyampaikan tatacara dan prosedur pengurusan aset dan inventori.